



15 Jun 2021
15 June 2021
P.U. (A) 269

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG
DENGAN KOS PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI) 2021

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENSES IN RELATION
TO THE COST OF PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT)
RULES 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN
BERHUBUNG DENGAN KOS PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Kos Peralatan Perlindungan Diri) 2021.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “kos peralatan perlindungan diri” ertinya perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan bagi tujuan pencegahan dan perlindungan pekerja daripada Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19).

Potongan

3. Bagi maksud menentukan pendapatan larasan majikan daripada perniagaannya dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi kos peralatan perlindungan diri bagi maksud perniagaannya mulai 1 Mac 2020.

Ketidakkpakaian

4. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi majikan yang telah melakukan perbelanjaan ke atas kos peralatan perlindungan diri jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran itu, majikan itu telah menuntut kos peralatan perlindungan diri itu di bawah—